

# BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	21 / 1 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	B6	RUANGAN	BISNES

## Takaful Malaysia lancar pelan komprehensif

**Takaful** Malaysia Bhd (Takaful Malaysia) melancarkan pelan perubatan dan kesihatan yang komprehensif, Takaful myHealth Protector yang menawarkan ganjaran pulangan tunai sebanyak 15 peratus jika pelanggan tidak membuat tunutan sepanjang tempoh perlindungan.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Mohamed Hassan Kamil, berkata pelan ini juga memberikan rangkaian manfaat penjagaan kesihatan yang menarik bagi pesakit dimasukkan ke wad dan pesakit luar.

“Menyedari situasi pengguna yang mengalami kesukaran menanggung peningkatan kos perubatan penjagaan kesihatan membuatkan syarikat mengilhamkan satu pendekatan inovatif dengan menyediakan pelan perubatan untuk meringankan beban perbelanjaan rawatan perubatan yang tinggi.

“Walaupun kita berusaha bersungguh-sungguh menjaga kesihatan, namun ada kalanya kita tidak dapat mengelak daripada terpaksa mendapatkan rawatan perubatan,” katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur semalam.

Takaful myHealth Protector menawarkan pilihan lebih luas yang terdiri daripada lapan pelan perubatan yang tidak membabitkan sebarang perkongsian kos pada satu jumlah premium yang berpatutan.

Pelan itu juga menetapkan usia penyertaan maksimum yang lebih tinggi iaitu sehingga 70 tahun bagi membolehkan pelanggan yang sihat dan tidak mempunyai perlindungan perubatan turut mendapat perlindungan insurans.